

65

SOALAN NO: 123

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DR. ISMAIL BIN DAUT

TARIKH:

SOALAN:

Dr. Ismail bin Daut [Merbok] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula pelaksanaan Skim Gaji Minimum yang telah dilaksanakan pada 1 Julai 2016 bagi membantu golongan muda di negara ini.

PR-1352-T00696

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan baharu sahaja selesai membuat kajian semula Perintah Gaji Minimum 2012 dan Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar gaji minimum daripada RM900 sebulan kepada RM1,000 sebulan di Semenanjung Malaysia dan daripada RM800 sebulan kepada RM920 sebulan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai 1 Julai 2016.

2. Bagi meningkatkan pendapatan rakyat selaras dengan hasrat Kerajaan menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, Kerajaan akan mengkaji semula Perintah Gaji Minimum sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun selaras dengan peruntukan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) yang mana kajian ini akan dibuat oleh Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN). Sehubungan dengan itu, kajian semula terhadap perintah gaji minimum pada masa akan datang adalah pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dasar gaji minimum merupakan salah satu inisiatif Kerajaan bagi menjamin pendapatan golongan muda. Selain daripada inisiatif

ini, Kerajaan turut memperkenalkan pelbagai inisiatif lain untuk golongan muda terutama dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup dan keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- a) Dana Usahawan Muda (YEF) adalah sebuah dana khas yang diwujudkan oleh Kerajaan khusus untuk golongan muda sebagai salah satu strategi berterusan untuk membudaya dan membentuk usahawan di kalangan belia di Malaysia;
- b) Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) untuk membantu golongan muda khususnya graduan yang sedang mencari pekerjaan untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka.
- c) Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (*MyDeposit*) bagi memastikan rakyat Malaysia khususnya golongan muda memiliki rumah sendiri;
- d) Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dibina bagi menyediakan peluang kepada rakyat Malaysia mendapatkan rumah idaman mereka pada harga mampu milik, khusus untuk golongan muda berpendapatan sederhana;

- e) Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) untuk golongan muda telah ditingkatkan seperti yang diumumkan semasa Pembentangan Bajet 2017; dan pelbagai lagi.
5. Diharap inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan ini dapat membantu golongan muda di negara ini menghadapi peningkatan kos sara hidup yang dihadapi sekarang.